


Mahkamah benar Najib dapatkan dokumen Justo

BH - 14/12/2019 m/s: 48

Sri Ram serah pemacu komputer berkaitan 1MDB kepada pembelaan

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my



Najib hadir di Kompleks Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi permohonan mendapatkan dokumen Justo, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Mahkamah mendapati ada asas mencukupi bahawa dokumen itu relevan dengan pemohon dan pembelaannya.

Collin Lawrence Sequerah,
Hakim Mahkamah Tinggi

“Mahkamah mendapati ada asas mencukupi bahawa dokumen itu relevan dengan pemohon dan pembelaannya.

“Bahan yang dicari adalah berkaitan pertuduhan dalam percaraan 1MDB,” katanya.

Sri Ram kemudian memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya akan menyerahkan pemacu komputer mengandungi 17,000 dokumen berkaitan 1MDB yang dikehendaki kepada pembelaan.

Sehubungan itu, Collin menetapkan 7 Januari ini untuk pengurusan kes percaraan 1MDB dihadapi Najib.

Pada 16 Oktober lalu, Najib, 66, memfailkan notis usul dengan menamakan pendakwa raya sebagai responden.

Najib membuat permohonan berkaitan ketika prosiding percaraan kes rasuah dihadapinya membabitkan RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengambilan wang haram membabitkan jumlah sama.

Dalam permohonan berkenaan, Najib memohon perintah mahkamah untuk memaksa pihak pendakwa atau mana-mana entiti lain yang memiliki, menjaga dan mengawal dokumen diserahkan Justo kepada SPRM berkaitan usaha sama 1MDB dengan PetroSaudi International Ltd, sama ada dalam bentuk fizikal atau dimuat turun daripada peranti storan digital, untuk diperiksanya.

Najib, antara lain memohon mahkamah memaksa pihak pendakwa atau mana-mana entiti lain yang memiliki dan mengawal dokumen berkenaan untuk menyerahkannya kepada beliau.

Beliau memfailkan permohonan itu atas alasan dokumen dimohon adalah relevan dan dapat membantu pembelaan pemohon, yang mungkin sudah digugurkan atau ditahan daripada dikeluarkan yang bercanggah dengan Seksyen 51A Kanun Prosedur Jenayah.